

## **JAMUAN MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK**

DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, 21 NOVEMBER 1987

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berbahagia Tan Sri Dato Sallehuddin bin Mohamed, Ketua Setiausaha Negara; Yang Berbahagia Dato' Hassan Ibrahim, Presiden Persatuan PPTD; Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kerana menjemput saya dan isteri saya ke majlis makan malam tahunan Persatuan ini. Saya juga berharap majlis pada malam ini akan menjalinkan hubungan yang lebih erat di antara ahli-ahli PPTD supaya ahli-ahli akan dapat meningkatkan lagi kerjasama bagi mewujudkan perkhidmatan yang lebih cekap.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Semenjak tahun 1981, saya telah mengambil kesempatan di majlis-majlis makan malam PPTD untuk mengutarakan beberapa pandangan ikhlas saya mengenai fungsi pentadbiran dan pengurusan bagi negara kita. Pada malam ini juga ingin saya bercakap mengenai aspek bentuk dan aliran pemikiran golongan pemimpin dan pengurus dan implikasinya kepada pembangunan dan pentadbiran negara. Aspek ini penting oleh kerana seorang pemimpin atau pengurus berfungsi bukan hanya sebagai pelaksana atau penyelesaian masalah semasa, tetapi juga sebagai pemikir utama untuk organisasinya. Dalam tempo pembangunan yang ada sekarang, aspek pemikiran ini amat penting ditekankan. Bentuk atau hasil pemikiran seorang pemimpin atau pengurus itu menentukan arah perjuangan, matlamat dan strategi organisasinya. Pemikirannya juga mempengaruhi tindakan dan sikap orang lain. Baik-buruk mutu pemikirannya memberi kesan yang besar kepada organisasi dan seterusnya kepada masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kita mengharapkan para pemimpin dan pengurus organisasi di dalam negara kita dapat memikul tanggungjawab mereka dengan baik, bijaksana dan sempurna; dengan bersih, cekap dan amanah. Kita mahukan pengurus yang sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap matlamat atau 'mission' organisasinya dan tidak membuat sesuatu yang boleh dikatakan menyeleweng, terpesong atau lari daripada asas dan matlamat organisasi itu. Kita berharap pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus dalam Kerajaan dapat mendalami dan memahami masalah-masalah dan matlamat negara; dapat memahami latar belakang masalah-masalah tersebut, serta berhati-hati apabila mengkaji dan menghalusi faedah-faedah dan risiko-risiko yang akan dan mungkin dihadapi sebelum sesuatu keputusan muktamad dibuat. Kejayaan organisasi bergantung rapat kepada mutu pemikiran pengurus; yang diharapkan bersifat kreatif, membina, 'innovative' dan strategik. Mereka harus sedar akan perkembangan-perkembangan yang baru dalam bidang pengurusan untuk membolehkan organisasinya maju ke hadapan. Mereka harus mempunyai ketegasan disiplin

dan 'resilience' bagi menguruskan konflik, cabaran-cabaran dan persaingan-persaingan yang tetap dihadapi sepanjang perjalanan pengurusan mereka.

4. Pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus organisasi yang berwibawa harus mempunyai sifat pemikiran yang agak menyeluruh dan jelas, atau clarity of mind, tentang haluan perjalanan organisasinya. Untuk mencapai tahap ini, kita tidak boleh bersandarkan semata-mata kepada pendekatan logik atau 'reason' sahaja, atau membuat keputusan berasaskan pengutipan data-data dan penglihatan fenomena-fenomena semasa sahaja. Pendirian dan tindakan kita harus juga berpandu kepada pembelajaran, pengalaman serta fakta-fakta sejarah. Tanpa demikian, kita akan terus mengulangi kesilapan-kesilapan dahulu dan mengambil tindakan yang terburu-buru. Kita tidak boleh juga mengeneipkan fakulti imaginasi dan 'foresight'. Pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus yang baik akan dapat meramal dan menjangka cabaran-cabaran dan keperluan-keperluan masa hadapan dan sentiasa bersedia menghadapi masalah-masalah yang dijangka timbul. Melalui fakulti imaginasi, kita dapat menghasilkan idea-idea baru, dapat bertindak secara proaktif dan dapat menerokai peluang-peluang baru yang mungkin dapat dimajukan. Pendekatan ini akan membantu untuk menghasilkan keputusan-keputusan dan tindakan yang berkesan serta adil dan bijaksana.

5. Disamping itu kita perlu mengambil kira unsur-unsur logik dan emosi. Jika kita hanya menggunakan logik atau 'reason' tanpa mengambil kira emosi dan perasaan, kita mungkin membuat sesuatu yang tidak secukup dengan psikologi manusia dan sifat-sifat kemasyarakatan yang terdapat di sekeliling kita. Sebaliknya jika kita hanya berpandukan kepada emosi dan perasaan, kita mungkin akan membakar pemikiran dan perasaan orang lain, dan seterusnya akan mengakibatkan tindakan-tindakan yang akhirnya sukar dikawal. Oleh itu perlulah ada keseimbangan di antara penggunaan unsur-unsur logik dan emosi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Kita tidak menganggap 'vision' kecemerlangan ini sebagai satu impian sahaja. Sebenarnya kita telah berusaha dengan gigih untuk membentuk dan melahirkan golongan pemikir dan pelaksana yang mahir, sihat dan cekap. Nilai-nilai dan teras kecemerlangan telahpun dihuraikan. Gerakan kesedaran telah dilancarkan. Program-program pendidikan dan latihan telah dilipatgandakan. Mereka yang didapati menyeleweng telah dihukum. Banyak kejayaan telah dapat dihasilkan di semua bidang kehidupan masyarakat, khususnya apabila kita menilai kembali dan mengambil kira kemajuan-kemajuan pesat yang telahpun kita capai dalam masa 30 tahun kebelakangan ini.

7. Dalam kesungguhan usaha kita untuk membina dan membangunkan negara, banyak lagi kemajuan dan pembaharuan yang harus ditadbir dan dilaksanakan. Untuk ini kita tidak mahu lagi melihat, walaupun segelintir, kelompok-kelompok dan golongan-golongan pemimpin dan pengurus, sama ada di sektor awam atau swasta, yang masih kurang cekap dan kurang sempurna, yang boleh menjadi penghalang kepada usaha-usaha kita untuk maju ke hadapan, khususnya untuk membina satu masyarakat yang maju, aman dan berpadu.

8. Dari semasa ke semasa negara juga berhadapan dengan individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang cuba memesung aliran pemikiran kita daripada usaha-usaha pembangunan negara. Mereka ini menaja pemikiran yang kurang sihat atau negatif yang boleh menghalang usaha-usaha yang baik yang telah dilakukan oleh Kerajaan. Pemikiran yang negatif ini boleh dilihat dalam beberapa bentuk.

9. Bentuk yang pertama ialah sikap dan pendirian yang ' rigid' dan negatif terhadap idea-idea baru, serta pantas menolak apa-apa cadangan atau rancangan-rancangan yang baru. Kedua ialah pemikiran yang sempit dan ' parochial' , mempunyai penglihatan yang berjangka pendek, dan mementingkan hasil yang diperolehi dengan cepat. Satu lagi bentuk pemikiran negatif ini adalah pemikiran yang menitikberatkan kepentingan persendirian atau kumpulan, tanpa mengira kesan-kesan yang buruk kepada organisasi, masyarakat dan negara pada keseluruhannya. Ada pula pemikiran yang sentiasa mencari peluang dan kesempatan untuk menindas dan menghalang usaha-usaha orang lain, serta hanya dapat melihat keburukan dan kelemahan orang lain. Akhirnya golongan yang berfikir negatif ini adalah mereka yang sedia menerima tahap prestasi yang rendah dan yang senang dicapai tanpa banyak usaha.

10. Kita hendaklah menolak dan menyingkir segala bentuk pemikiran yang negatif ini. Gerakan pemulihan perlu diadakan demi kepentingan, kesejahteraan, pembangunan dan keselamatan masyarakat dan negara kita yang tercinta ini. Sebaliknya kita hendaklah meningkatkan pengetahuan kita tentang butir-butir tugas kita, menyelia dengan baik kerja-kerja yang dibuat oleh mereka yang bekerja di bawah kita, dan menentukan segala matlamat dicapai dalam jangka masa dan kos yang telah ditetapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Negara kita telah mengecap kemerdekaan selama 30 tahun. Dalam jangka masa ini banyak perubahan telah berlaku di dalam semua bidang, baik dari segi ekonomi, sosial ataupun politik. Proses pembangunan boleh dilihat dan dirasai di bandar dan di luar bandar di seluruh pelusuk tanahair kita. Semua perubahan ini telah dibuat dengan penuh kesedaran tentang keperluan dan kesesuaiannya setelah mengambil kira kesan dan akibatnya kepada negara dan rakyat keseluruhannya.

12. Untuk maju ke hadapan, sesuatu organisasi atau negara perlu bergerak dan menerima perubahan. Jika kita berdiam diri dan menjadi statik, negara kita akan ketinggalan. Hasil-hasil pengeluaran kita akan menjadi ' obsolete' . Justeru itu, kita terpaksa menyesuaikan diri dan merebut peluang dari segala perubahan yang berlaku. Kita memerlukan pendekatan dan strategi-strategi pembangunan yang baru bagi menghadapi corak pertandingan dan persaingan ekonomi antarabangsa yang mencabar dan berubah-ubah.

13. Oleh itu kita tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada punca-punca pendapatan tradisional seperti getah, kelapa sawit, balak, timah dan petroleum. Kita perlu mencari punca-punca pendapatan baru untuk menampung keperluan-

keperluan negara kita pada masa hadapan, iaitu kegiatan-kegiatan ekonomi yang berasaskan perindustrian, perdagangan dan perkhidmatan. Kita harus bertindak sebagai ' global marketers' . Untuk itu, kita perlu mempunyai pemikiran yang positif, yang strategik dan tidak gentar menghadapi apa jua cabaran. Saya yakin pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus dalam perkhidmatan awam mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian. Yang penting ialah semangat dan kesungguhan untuk mencari dan mencuba idea-idea baru yang mempunyai potensi.

14. Dalam pada itu, perubahan tidak semestinya berlaku secara ' revolutionary' dan mendadak. Perkara-perkara yang baik dan berguna harus dikekalkan dan dipelihara. Ada nilai-nilai asas yang perlu kita pelihara dan pertahankan, iaitu nilai-nilai yang selama ini telah menyatu dan mengukuhkan kita sebagai sebuah negara yang merdeka. Apa yang perlu diubah ialah cara dan pendekatan yang diambil untuk mencapai matlamat. Matlamat kita ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dalam segenap bidang, yang aman makmur, di mana masyarakat berbilang kaum dapat hidup secara aman dan harmoni. Justeru itu kita menolak perubahan-perubahan yang kita anggap menjejaskan atau akan menggugat ketenteraman dan pembangunan negara atau yang bertentangan dengan pendirian dan nilai-nilai asasi yang menjadi pegangan hidup kita di Malaysia. Malahan kita perlu berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mempertahankan dan memajukan lagi nilai-nilai yang telahpun menjadi asas dan teras kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara kita selama ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya sedar bahawa malam ini adalah juga malam untuk kita berkenalan mesra. Oleh itu, saya akhiri ucapan ini dengan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan Ahli-ahli Persatuan PTD yang telah menjemput saya dan isteri saya ke majlis ini. Wabillahitaufik walhidayah wassamu' alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera. Memberi perhatian yang serius untuk mewujudkan satu keupayaan perindustrian yang berasaskan kepada kualiti. Saya berharap budaya kerja yang mengutamakan kualiti ini akan menjadi asas yang akan mempertingkatkan lagi pertumbuhan perindustrian kita.